



JABATAN PEGUAM NEGARA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PENDAKWAAN TERHADAP INDIVIDU TAMPAR PEMUDA

KERANA TIDAK BERPUASA

Susulan daripada kes tular melibatkan seorang individu yang menampar seorang pemuda kerana tidak berpuasa di sebuah pasar raya di Johor Bahru pada 16 Mac 2025, Jabatan Peguam Negara berpuas hati suatu pendakwaan wajar dikenakan terhadap individu tersebut.

Semasa prosiding pada 19 Mac 2025 di Mahkamah Majistret Johor Bahru, terdapat isu teknikal berkaitan pertuduhan yang difailkan terhadap individu terbabit. Isu teknikal melibatkan pertuduhan telah diatasi dan individu terbabit akan dituduh semula di Mahkamah Majistret Johor Bahru pada petang 19 Mac 2025.

Jabatan Peguam Negara komited untuk memastikan semua pihak memperolehi keadilan yang sewajarnya selaras dengan peruntukan undang-undang.

PEGUAM NEGARA MALAYSIA

19 MAC 2025